

Analisis Perbandingan Penanda Wacana Pernyataan Semula Bahasa Melayu *Iaitu* dan Bahasa Sepanyol *Esto es*

Norhayati Alias

nasriati@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai penanda wacana *iaitu* dalam Bahasa Melayu, dan *esto es* dalam bahasa Sepanyol, yakni dalam proses wacana yang dinamakan *Pernyataan Semula Parafrasa* (*Paraphrastic Reformulation*). Proses *Pernyataan Semula Parafrasa* (PSP) adalah proses menjelaskan semula sesuatu mesej atau idea yang dianggap kabur, kurang jelas atau tidak mencukupi. Proses ini dinilai berdasarkan kesamaan yang wujud di antara dua segmen yang dihubungkan. Sehubungan ini, proses pernyataan semula parafrasa menunjukkan usaha dan kemampuan seseorang peserta sesebuah komunikasi wacana itu, samada lisan atau bukan lisan, memilih formula linguistik yang dirasakan paling sesuai untuk digunakan bagi menjelaskan maksud yang ingin disampaikan (Garcés, 2008). Kajian ini dijalankan dengan melakukan analisis terhadap teks ilmiah dan saintifik dalam bahasa Melayu dan Sepanyol. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua penanda wacana yang dikaji, *iaitu* dan *esto es* mempunyai fungsi utama yang sama, iaitu sebagai penjelas dan penerang terhadap idea yang telah diungkapkan sebelumnya. Selain dari itu, dari segi penyebarannya dalam binaan wacana, kedua-dua penanda wacana tersebut, *iaitu* dan *esto es* berada pada kedudukan di tengah-tengah, iaitu di antara dua segmen yang dihubungkan.

Kata Kunci: analisis wacana; penanda wacana; pernyataan semula; parafrasa

A Comparative Analysis of Malay Reformulation Marker *Iaitu* and Spanish Reformulation Marker *Esto es*

ABSTRACT

This article examines the discourse markers *iaitu* in Malay and *esto es* in Spanish, in the discourse process called *Paraphrastic Reformulation*. The *Paraphrastic Reformulation* is a process of redefining a message or an idea that is considered vague, ambiguous, or inadequate. This process is evaluated based on the similarity inherent between the two connected segments. In this regard, the process of reformulation shows the effort and capability of an individual, whether oral or non-verbal in selecting the linguistic formula that is deemed best to clarify the meaning conveyed (Garcés, 2008). This study was conducted by analyzing scholarly and scientific texts in Malay and Spanish. The findings show that both discourse markers studied, *iaitu*, and *esto es* have the same main function, namely, to explain the previously expressed idea. In addition, in terms of its distribution in discourse construction, the two discourse indicators *iaitu* and *esto es* are in the middle position, which is between the two connected segments


Keywords: discourse analysis; discourse markers; reformulation; paraphrase

PENGENALAN

Reformulation atau *Pernyataan Semula* merupakan proses wacana yang membolehkan penutur menyampaikan semula idea atau mesej yang dirasakan kurang jelas, samar, atau kurang tepat, agar dapat difahami dengan lebih jelas. Dengan kata lain, proses *PS* merupakan proses yang bertujuan memudahkan pemahaman pendengar terhadap apa yang disampaikan, serta menambah maklumat yang sedia ada (Blakemore, 1993, hlm. 107). Secara umumnya, proses ini berasaskan pada *kesamaan*, iaitu dua ujaran dihasilkan bagi menerangkan satu mesej atau idea¹. Proses kesamaan makna ini terhasil melalui kaedah *parafrasa*, yakni, pengungkapan semula kandungan sesuatu ujaran dgn menggunakan kata-kata lain tanpa mengubah makna atau maksud asalnya. Istilah pernyataan semula (*Reformulation*) dikatakan berasal dari linguistik kontemporari yang dibawakan oleh Antos (1982) (dalam *Grundlagen einer Theorie des Formulierens. Textherstellung in geschriebener und gesprochener Sprache*). Ia berkisar mengenai masalah komunikasi yang terjadi semasa aktiviti penghasilan teks bertulis dan lisan bahasa Jerman. Sehubungan ini, sebuah teori yang dinamakan ‘Formulasi’ (*des Formulierens*) telah dikemukakan. Teori tersebut dikatakan dapat mengatasi masalah dan halangan-halangan yang berlaku dalam komunikasi, dan seterusnya, menghasilkan mesej yang ‘sempurna’, iaitu yang dapat memenuhi hajat dan tujuan sebenar peserta. Seperti yang telah disebut, teori ini merupakan asas bagi proses atau aktiviti yang dibincangkan dalam artikel ini, iaitu *proses pernyataan semula*. Selain dari itu, formulasi juga merupakan proses yang menunjukkan usaha penutur. Dalam erti kata lain, formulasi merupakan proses pemilihan dan penyusunan kata, frasa, ayat dan sebagainya yang sesuai, untuk disampaikan kepada penerima, bagi mengatasi ketidaksempurnaan yang terdapat pada mesej yang disampaikan sebelumnya, supaya maksud yang disampaikan dapat difahami dengan jelas. Pada tahun 1983, berasaskan teori yang sama, E. Gülich dan T. Kotschi mengemukakan sejenis bentuk formulasi yang khusus, iaitu *Reformulation Paraphrastique* (Pernyataan Semula Parafrasa). Dalam proses ini, terdapat dua segmen wacana, iaitu, segmen pertama dan kedua. Segmen pertama mengandungi mesej asal yang hendak disampaikan, manakala segmen kedua mengandungi ‘mesej’ yang telah ‘dinyatakan semula’, iaitu samada sebagai penjelas, sinonim, keterangan dan sebagainya, kepada mesej yang terdapat pada segmen pertama (Rajah 1). Kajian ini akan menjawab tiga persoalan berikut:

- (i) Apakah ciri-ciri serta karakter-karakter penanda wacana *iaitu* (dari segi morfologi, fonik-grafik, semantik dan pragmatik) yakni, ciri-ciri yang menjadikan ia tergolong sebagai penanda wacana pernyataan semula?
- (ii) Apakah ciri-ciri serta karakter-karakter penanda wacana *esto es* (dari segi morfologi, fonik-grafik, semantik dan pragmatik), yakni, ciri-ciri yang menjadikan ia tergolong sebagai penanda wacana pernyataan semula?
- (iii) Apakah ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua penanda wacana tersebut.

¹ Terdapat dua jenis proses *Pernyataan Semula* ‘reformulation’, iaitu, *paraphrastic reformulations* yang merupakan proses pernyataan semula jenis parafrasa (menggunakan kaedah ‘parafrasa’) dan *non paraphrastic reformulations* iaitu proses pernyataan semula yang menunjukkan perbezaan idea atau perspektif diantara segmen pertama dan kedua (Garcés Gomez, 2008)



RAJAH 1. Struktur Proses Pernyataan Semula

PERNYATAAN SEMULA JENIS PARAFRASA

Seperti yang telah diterangkan, perhubungan proses PSP dilihat berdasarkan kesamaan semantik yang diwujudkan oleh dua segmen yang berhubungan dalam wacana. Proses ini merupakan 'pengulangan' tentang apa yang terkandung dalam pernyataan terdahulu (Pons Bordería, 2001, hlm. 224). Proses penting yang menandakan hubungan parafrasa adalah pengulangan rujukan yang terdapat dalam segmen pertama ke dalam segmen yang kedua. Dengan ini, maklumat asal, yang terdapat pada segmen pertama, dan maklumat 'duplikasi' yang terdapat pada segmen kedua mengekalkan perhubungan semantiknya, berdasarkan darjah perbezaan tertentu (E. Gülich y T. Kotschi, 1983, hlm. 325), yakni dengan mengekalkan perspektif yang masih sama. E. Gülich dan T. Kotschi (1995, hlm. 308) juga menganggap jenis pernyataan semula ini sebagai 'duplikasi wacana'. Tahap identifikasi yang dihasilkan dalam pernyataan semula jenis parafrasa bergantung pada tahap kesamaan semantik antara kedua-dua segmen wacana yang terlibat di dalamnya, serta perbezaan semantik yang ditunjukkan antara kedua-dua segmen, terutamanya ketika hubungan semantik di antara dua segmen yang terlibat kelihatan tidak jelas (Garcés, 2008, hlm. 71). Semakin banyak kesamaan diwujudkan di antara kedua-dua segmen yang berhubungan, semakin tinggi nilai pernyataan semula parafrasa yang ada. Begitulah sebaliknya, semakin besar perbezaan makna antara kedua-dua segmen, semakin rendah tahap perhubungan parafrasa yang terjadi. E. Gülich dan T. Kotschi (1983) membezakan tiga jenis perhubungan yang diwujudkan oleh proses pernyataan semula jenis parafrasa, iaitu: pengembangan, pengurangan dan variasi. Proses pernyataan semula jenis parafrasa dianggap sebagai 'pengembangan' apabila segmen yang diubahsuai (dinyatakan semula) mempunyai ciri-ciri semantik yang lebih tinggi berbanding kenyataan sumbernya (sebagai contoh: *Madrid es la capital de España, es decir, es la ciudad más importante y la sede del Gobierno de dicho Estado* 'Madrid adalah ibu negara Sepanyol, iaitu bandar yang paling penting dan merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri itu'). Sebaliknya, pernyataan semula jenis parafrasa jenis 'pengurangan' mempunyai ciri-ciri sebaliknya; ciri semantik maklumat sumber dipendekkan atau diringkaskan (contohnya: *Madrid es la ciudad más importante de España y la sede del Gobierno de dicho Estado, es decir, es su capital* 'Madrid adalah bandar paling penting di Sepanyol dan merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri tersebut, iaitu ibu negerinya). Jenis terakhir, 'variasi', tidak termasuk ke dalam mana-mana jenis, sama ada yang pertama atau kedua (contohnya: *Madrid es una ciudad con muchas obras de arte, o sea tiene muchos museos* 'Madrid adalah sebuah bandar yang mempunyai banyak karya seni, yakni, ia mempunyai banyak muzium'). Dari contoh-contoh dan definisi yang telah dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa faktor yang dikira dalam proses pernyataan semula jenis parafrasa adalah kesamaan semantik antara kedua-dua segmen diskursif yang terlibat, iaitu, sama ada mereka saling menyerupai, atau saling menunjukkan perbezaan.

KAJIAN TENTANG PENANDA WACANA JENIS PERNYATAAN SEMULA DI MALAYSIA

Sehingga kini, kebanyakan kajian penanda wacana di negara ini amat dipengaruhi oleh kajian kohesi yang diperkenalkan oleh model kohesi M.A.K Halliday dan Ruqaiya Hassan (1976). Antara kajian-kajian tersebut termasuklah Sato Hirobumi (1991), Sanat Md. Nasir (2002, 2008), Mohd Azidan Abdul Jabar (2003), Mohd Fadzeli Jaafar (2013), Nurmasitah Mat Hassan dan Jama'yah Zakaria (2015). Kajian-kajian lain mengenai penanda wacana termasuklah Awang Sariyan (1991), Asmah Omar (1987, 1995) dan lain-lain lagi.

Ketika artikel ini ditulis, kajian mengenai penanda PS (*reformulation*) di Malaysia masih belum diterokai. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, setakat ini belum ditemui sebarang kajian yang khusus ditulis dalam bahasa Melayu. Sungguhpun begitu, dalam sebuah buku mengenai wacana saintifik, Asmah Omar (1987) membincangkan mengenai frasa-frasa seperti *maksudnya*, *jelasnya*, *tegasnya*, *yakni*, *dalam perkataan lain* dan sebagainya di dalam bukunya yang bertajuk *Bahasa Malaysia Saintifik*. Berdasarkan kupasan ini, dapatlah disimpulkan bahawa, kata *iaitu* yang dikaji dalam kajian ini turut tergolong dalam kategori yang sama, yakni dari segi maksud dan fungsinya². Menurut beliau, frasa-frasa tersebut merupakan salah satu *alat* bahasa yang menghasilkan tetenunan wacana, iaitu melalui kaedah parafrasa. Beliau menyatakan bahawa frasa-frasa tersebut menjadikan teks berhubungan dan berkoheren. Penggunaan frasa-frasa tersebut membolehkan penulis menyajikan ayat atau sesuatu ungkapan itu, dalam bentuk atau 'wajah' yang lain. Beliau menyimpulkan bahawa proses ini menjadi satu cara bagi penulis untuk menyampaikan idea yang sama, dengan cara yang berbeza. Berikut adalah contoh-contoh yang telah dikemukakan beliau (Asmah, 1987, hlm. 118):

1. Dari segi tulisan, maksudnya sistem tulisan, kita lihat yang mana sistem tulisan yang lebih efisien dari yang lain.
2. Pemilihan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang mempersatukan rakyat, yakni bahasa persatuan, untuk indonesia, bukanlah hal yang timbul tanpa perancangan.

Pada tahun 2000, Asmah sekali lagi membincangkan mengenai penanda penanda wacana ini dalam bukunya yang bertajuk *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Beliau mengemukakan frasa-frasa seperti *dengan kata/ perkataan lain*, *maknanya*, *makna kata*, *ertinya* dan sebagainya. Jelasnya frasa-frasa tersebut berfungsi sebagai alat strategi pragmatik. Sepertimana yang dinyatakan dalam bukunya yang terdahulu (*Bahasa Malaysia Saintifik*), proses tersebut dilaksanakan melalui kaedah yang dinamakan *parafrasa*, yakni, satu kaedah yang bersifat *metalinguistik*, iaitu bahasa diterangkan melalui bahasa. Melalui kupasan ini, konsep dan kaedah pernyataan semula dalam bahasa Melayu dapat difahami dan dirumuskan dengan lebih jelas lagi. Berikut adalah contoh-contoh ujaran yang dikemukakanya (Asmah, 2000, hlm. 52-53):

3. Ini bermakna syarikat berkenaan hanya perlu membayar premium sebanyak RM60 juta bila ia sepatutnya membayar 200 juta. *Dengan kata lain*, syarikat tersebut telah membuat untung yang besar.
4. Sebagai wakil rakyat, kita selalu dengar berita-berita semacam ini, bahawa dia ada macam Kelab Bangladesh, Kelab Indonesia, dan sebagainya; dan kelab ini sudah jadi

² Menurut Asmah (2009) *iaitu* merupakan sinonim bagi kata *yakni*. Kedua-duanya merupakan partikel yang berfungsi menjelaskan unsur sebelumnya.

macam gangster. *Makna kata*, saya kalau disuruh masuk ke kawasan yang ada pendatang asing ini di waktu malam, saya tidak berani.

Berdasarkan penjelasan diatas, dapat kita rumuskan fungsi proses PSP dan penanda wacana PSP dalam binaan wacana, iaitu menghasilkan mesej yang lebih jelas, tepat, dan spesifik terhadap pendengar atau pembaca. Proses ini merupakan usaha dan perancangan yang dilakukan oleh pewacana demi mencapai tujuan dan hajat komunikasinya. Idris, Norsimah, dan Mohammad Fadzeli (2014) menyatakan bahawa penyusunan dan rekabentuk yang dilakukan oleh pewacana ketika menghasilkan penulisan adalah strategi wacana. Penyusunan dan rekabentuk ini penting dalam menghasilkan produk wacana yang baik mutunya, yakni yang dapat diterima dan difahami oleh sasaran.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teks bertulis ilmiah dan saintifik dalam Bahasa Melayu dan Sepanyol. Teks diperolehi daripada buku-buku ilmiah dan saintifik yang telah ditulis berdasarkan garis panduan tertentu, dan telah disemak serta disunting kandungannya. Dalam erti kata lain, teks yang dikaji mematuhi binaan wacana yang formal. Selain dari itu, teks turut diperolehi melalui laman web secara atas talian (bahasa Sepanyol). Sehubungan ini, bagi kedua-dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Sepanyol, teks yang dianalisis merangkumi bidang bahasa dan linguistik, iaitu tatabahasa, pragmatik, sociolinguistik, dan juga semantik. Selain dari itu, teks juga terdiri dari bidang sains falsafah, politik, sains, kesihatan, elektrik, dan undang-undang. Bilangan buku yang dianalisis bagi bahasa Melayu ialah sebanyak 14 buah, manakala bahasa Sepanyol pula 12 buah. Seperti yang disebut sebelumnya, data bahasa Sepanyol turut diperolehi secara atas talian. Ini sekaligus, menjadikan jumlah korpus atau data yang dikaji bagi kedua-dua bahasa adalah seimbang jumlahnya. Data dalam bahasa Sepanyol telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bagi memudahkan pemahaman pembaca. Kerangka analisis yang digunakan dalam kajian ini merupakan kerangka analisis yang telah dikemukakan oleh Casado (1991). Kajian tersebut (Casado, 1991) dijalankan dari dimensi tekstual (*Textlinguistik*). Kaedah analisis tekstual ini menumpukan pada aspek-aspek penting penanda wacana pernyataan semula parafrasa (PSP), iaitu dari segi ciri fonik-grafik, proses leksikalisasi, penyebaran, iaitu kedudukannya (penanda wacana PSP), dan maksud serta fungsi yang ditunjukkan dalam binaan wacana.

DAPATAN KAJIAN

PARTIKEL IAITU

Dalam buku tatabahasa *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*, Asmah Omar (2009, hlm. 241) telah membincangkan secara khusus mengenai kata *iaitu*. Beliau telah mengklasifikasikannya sebagai *partikel penjelasan*. Menurut beliau, nama yang diberikan adalah selari dengan fungsinya iaitu menjelaskan idea yang terungkap terlebih dahulu. Kata *iaitu* berasal dari perkataan *ia+itu*. Kata ini juga bersinonim dengan kata *yakni*, yang merupakan pinjaman dari Bahasa Arab. Sehubungan ini, sebanyak 135 data *iaitu* telah ditemui dalam kajian ini.

POSISI *IAITU* DALAM BINAAN WACANA

Dari segi penyebaran penanda wacana *iaitu* dalam teks yang dikaji, data menunjukkan bahawa kesemua penanda wacana *iaitu*, berada pada kedudukan bahagian tengah binaan wacana, yakni, di antara dua segmen *iaitu*, segmen yang dinyatakan semula (segmen pertama), dan segmen pernyataan semula (segmen kedua). Kedudukan ini ditandai oleh simbol dan grafik seperti berikut: Didahului oleh koma dan tidak diikuti oleh sebarang tanda baca lain; diikuti oleh tanda dua titik dan didahului oleh koma; diikuti oleh dua titik dan tanpa sebarang tanda baca yang mendahuluinya; didahului oleh dua titik dan tidak diikuti oleh tanda baca lain; diikuti dengan koma tanpa didahului oleh sebarang tanda baca lain; dalam kurungan dan diikuti, di dalam kurungan, dengan koma; dan, akhir sekali, di tengah-tengah dua segmen yang dihubungkan, tetapi tidak ditandakan oleh sebarang simbol atau grafik. Berikut adalah antara contoh-contoh data yang telah dinyatakan sebelumnya:

(1) Wacana juga boleh dikelaskan mengikut jenis atau bentuknya. Misalnya, Werlich mengelaskan wacana kepada lima jenis bentuk yang utama, *iaitu* deskripsi, eksplanatori, argumentasi, instruksi, dan narasi (Renkema 1993).

(Idris Aman, WAC, hlm. 80)

(2) Kata isi boleh dikenal pasti melalui dua cara, *iaitu*:

(i) Kata itu akan menjadi unsur yang tidak boleh ditinggalkan apabila kita memperkenalkan inti pati atau idea teks

(ii) Kalau kata berkenaan tidak diulang, teks mungkin terganggu sifat kesatuan ideanya.

(Idris Aman, WAC, hlm. 61)

(3) G Leech (1983) pula berpendapat kita tidak boleh memahami tabii sesuatu bahasa tanpa memahami pragmatik: *iaitu* bagaimana bahasa digunakan dalam komunikasi.

(Nor Hashimah Jalaluddin, BDP, hlm. 33)

(4) Bagi mereka, peningkatan kepentingan bahasa dalam ekonomi adalah begitu ketara. Misalnya, dalam kebanyakan konteks perkhidmatan, kunci bagi kualiti “barangan” yang dihasilkan (*iaitu*, yang memberikan keuntungan) bergantung kepada tabii bahasa yang digunakan dalam memberi perkhidmatan.

(Idris Aman, WAC, hlm. 113)

Data (1) (2) (3) dan (4) menunjukkan bahawa penanda PSP *iaitu* sentiasa berada ditengah-tengah segmen yang dihubungkan, dan ditandakan oleh simbol grafik yang pelbagai.

FUNGSI PARTIKEL *IAITU* SEBAGAI PENANDA WACANA PERNYATAAN SEMULA DARI SUDUT SEMANTIK DAN PRAGMATIK

Dalam data yang diperolehi, terdapat enam jenis elemen ujaran yang melalui proses pernyataan semula oleh penanda *iaitu*: a) frasa nama bilangan, sebanyak (46) ujaran; b) kata nama (am, khas) atau frasa nama (adjektif), sebanyak (36) ujaran; kata adjektif, sebanyak (3) ujaran; frasa sendi nama (1) ujaran ; frasa nama kompleks sebanyak (9) ujaran; kata kerja, sebanyak (1) ujaran; dan akhir sekali, gugusan ayat, sebanyak (39) ayat. Sila lihat contoh-contoh berikut:

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA BILANGAN

Seperti yang telah dinyatakan, elemen ujaran yang paling kerap mengalami proses pernyataan semula, ialah ujaran yang mempunyai unsur atau elemen nombor, dan penyeneraian maklumat. Sila lihat data-data berikut:

(1) Secara amnya kuku boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, *iaitu* kuku, kutikel dan dasar kuku.

(Mohamed Isa Abd Majid et. al, KOS, hlm. 79)

(2) Wacana juga boleh dikelaskan mengikut jenis atau bentuknya. Misalnya, Werlich mengelaskan wacana kepada lima jenis bentuk yang utama, *iaitu* deskripsi, eksplanatori, argumentasi, instruksi, dan narasi (Renkema 1993).

(Idris Aman, WAC, hlm. 80)

(3) Konsep pragmatik ialah kajian tentang tiga konsep dalam interaksi komunikasi, *iaitu* makna, konteks, dan komunikasi.

(Idris Aman, WAC, hlm. 17)

Berdasarkan data (1), (2) dan (3) di atas, elemen-elemen yang telah dinyatakan semula tersebut mengembangkan entiti maklumat yang telah dinyatakan dalam bentuk nombor pada segmen yang pertama, *iaitu* melalui frasa nama yang disebut sebelumnya: tiga bahagian (1), lima jenis bentuk yang utama (2) dan tiga konsep dalam interaksi komunikasi (3).

PERNYATAAN SEMULA KATA NAMA AM

Seterusnya, proses pernyataan semula yang dihasilkan oleh partikel *iaitu* turut berlaku pada kata nama am. Ia terjadi kerana penulis ingin melahirkan idea yang bersifat subjektif dalam tulisannya:

(1) Pada zaman ini pun, peranan guru dalam pembentukan peribadi murid, *iaitu* bakal warganegara dewasa, masih ada dan diperlukan.

(Mahathir Mohamad, SAS, hlm. 103)

Data (1) menunjukkan definisi bagi kata nama *murid* yang dijelaskan dalam segmen kedua ayat diatas, adalah bersifat subjektif. Ia merupakan interpretasi peribadi pewacana terhadap perkataan tersebut (*murid*) yang dinyatakan beliau pada segmen sebelumnya. Di sini, pewacana menekankan peranan murid yang bukan sekadar sebagai pelajar yang sedang menimba ilmu sahaja, tetapi sebagai insan yang akan menjadi dewasa dan membentuk masa depan kelak.

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA ADJEKTIF

Data yang berikutnya ialah proses pernyataan semula yang memberi penjelasan lanjut pada frasa nama adjektif. Lihat data-data berikut:

(1) Justeru, bagi memastikan tanggungjawab ini dapat digalas dengan baik, pendidikan utama perlu diterapkan dalam sanubarinya, *iaitu* pendidikan agama.

(Mahathir Mohamad, SAS, hlm. 103)

(2) Laporan berita mempunyai tujuan yang baik, *iaitu* menyampaikan maklumat kepada khalayak ramai tentang apa yang sedang berlaku di alam ini.

(Asmah Omar, SANTUN, hlm. 115)

Dalam contoh (1) di atas, pewacana menjelaskan dengan lebih lanjut apa yang dinyatakan pada segmen yang pertama, *iaitu* frasa nama adjektif 'pendidikan utama' dengan menyatakan secara terperinci maksud 'utama' yang tidak dinyatakan sebelumnya, *iaitu* 'agama'.

Data yang berikutnya pula, menunjukkan keadaan proses PSP yang dijalankan oleh penanda wacana *iaitu* pada kategori perkataan yang sama, *iaitu* frasa nama adjektif. Sepertimana yang telah ditunjukkan pada data (1), penulis telah menyajikan bukan sahaja sebuah penjelasan

yang lebih tepat, malah turut memberikan pandangan serta interpretasinya sendiri yang bersifat subjektif.

Dalam kedua-dua data tersebut (1) dan (2) apa yang dijelaskan oleh pewacana tentang elemen di segmen pertama yang dinyatakan semula, adalah merupakan satu pandangan yang bersifat peribadi. Ia merupakan pandangannya sendiri mengenai konsep pendidikan utama, dan laporan berita. Berdasarkan data tersebut, apa yang dijelaskan oleh pewacana dianggap subjektif, kerana, tidak semua orang mempunyai pandangan yang sama bagi kedua-dua konsep tersebut.

PERNYATAAN SEMULA KATA NAMA KHAS

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan proses pernyataan semula yang melibatkan golongan kata nama khas, sepertimana yang ditunjukkan dalam data berikut:

(1) Apa-apa yang berlaku di Iraq sekarang adalah ulangan peristiwa yang serupa, yang berlaku 745 tahun lalu apabila Baghdad diserang dan ditakluki oleh tentera Mongol dibawah pemerintah Hulegu, iaitu cucu pengasas empayar Mongol, Genghis Khan (ejaannya berbagai-bagai)

(A.Kadir Jasin, MBMP, hlm. 192)

(2) Namun, tidak banyak tumpuan diberikan kepada ilmu-ilmu yang diterokai oleh Ibn Khaldun, Ibn Sina, Al-Khawarijma, Ibn Rusyd dan lain-lain iaitu mereka yang menerokai bidang hisab, pelayaran, geografi, perubatan dan sains.

(Mahathir Mohamad, SAS, hlm. 168)

Dalam data (1) pewacana melakukan pengenalpastian rujukan terhadap elemen yang dinyatakan semula di segmen yang pertama, dengan memerincikan maklumat tersebut di dalam segmen yang berikutnya.

Begitu juga dengan data yang akan dipaparkan seterusnya. Dalam data (2), pewacana melakukan pengenalpastian rujukan elemen yang dinyatakan semula dengan menjelaskan peranan tokoh-tokoh tersebut sebagai ilmuwan Islam, dengan menyatakan sumbangan mereka.

PERNYATAAN SEMULA KATA KERJA

Selain dari itu, proses pernyataan semula turut ditemui berlaku pada golongan kata kerja, sepertimana yang ditunjukkan pada data (1):

(1) Melukis gambar rajah blok bagi sistem tersebut dapat membantu, iaitu pelbagai bahagian dalam sistem digambarkan dengan kotak.

(Mazni Othman, PMM, hlm. 75)

Berdasarkan data (1) di atas, maksud yang dinyatakan di dalam segmen pertama, iaitu kata kerja *membantu* adalah terlalu umum, justeru, menimbulkan makna yang tidak jelas. Oleh sebab itu, pewacana merumuskan semula kata tersebut menggunakan ujaran yang lebih jelas agar ia dapat difahami oleh pembaca.

PERNYATAAN SEMULA FRASA SENDI NAMA

Selain dari itu, proses pernyataan semula turut berlaku pada golongan kata frasa sendi nama, sebagaimana yang terdapat pada data (1) di bawah:

(1) Pembukaan Kota Mekah juga berlaku dalam bulan Ramadhan iaitu , pada hari Selasa, bersamaan 17 Ramadhan, tahun 8 Hijrah.

(Mahathir Mohamad, SAS, hlm. 80)

Berdasarkan data (1) pewacana memperincikan apa yang telah disebut pada segmen pertama, dengan menyatakan kepada pembaca tarikh sebenar yang dimaksudkan pada bulan Ramadhan tersebut.

PERNYATAAN SEMULA KATA ADJEKTIF

Berikutnya, pada data (1) , (2) dan (3) dapat dilihat proses PSP yang berlaku pada kelas kata adjektif:

(1) Perakam pita biasa adalah analog, iaitu rakaman dibuat sebagai baris isyarat elektronik yang berbeza.

(Mazni Othman, PMM, hlm. xiii)

(2) Hajat wacana instruktif adalah imperatif, iaitu samada arahan, suruhan, permintaan dan halangan.

(Idris Aman, WAC, hlm. 30)

(3) Rancangan masakan di televisyen yang dihoskan oleh chef terkemuka juga bersifat instruktif, iaitu memberi panduan bagaimana menyediakan sesuatu resepi.

(Idris Aman, WAC, hlm. 30)

Dalam data (1) (2) dan (3) pewacana menjelaskan makna kata adjektif saintifik yang hadir pada bahagian pertama, iaitu, dengan menggunakan bahasa yang lebih umum dan senang difahami.

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA KOMPLEKS

Akhir sekali, perbincangan akan dilakukan pada proses pernyataan semula frasa nama kompleks, seperti yang ditunjukkan dalam contoh (1) :

(1) Ini dilakukan dengan melihat perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk perkataan, iaitu struktur makna perkataan.

(Abdullah Hassan, LING, hlm. 28)

Dalam data (1), pewacana menjelaskan apa yang disampaikan di segmen pertama, iaitu frasa nama kompleks ‘perhubungan antara unsur-unsur yang membentuk perkataan’ dengan menghasilkan sebuah lagi frasa nama kompleks yang menjelaskan lagi maksud yang ingin disampaikan.

PENANDA WACANA ESTO ES

Penanda pernyataan semula *esto es*, dalam bahasa Sepanyol terbentuk dari proses leksikalisasi yang terdiri dari kata tunjuk (demostratif) neutral *esto* (this/ini) dan kata ganti diri ketiga tunggal *es* (is) dari kata perbuatan *ser*. Binaan ini menggambarkan fungsi *esto es* sebagai satu ekspresi yang mempunyai fungsi ‘menunjuk’, yakni memperkenalkan kandungan yang telah disebut dalam segmen wacana sebelumnya, ke dalam segmen wacana yang berikutnya. Dengan erti kata lain, ia merupakan proses pembentukan yang terdiri dari unsur ‘deiksis’ kata ganti nama neutral. Ini sejajar dengan apa yang dijelaskan Portolés (1999). Menurut beliau, terdapat banyak penanda

wacana bahasa Sepanyol yang terdiri dari ‘deiksis’. Jelasnya, penanda *esto es* mewujudkan identifikasi atau persamaan makna di antara segmen yang diformulasi dan segmen yang menjalankannya (formulasi), yakni tanpa mengira jenis atau kelas perkataan yang wujud di antara dua segmen tersebut. Fungsinya ialah menerangkan (dan meluaskan) kandungan yang terdapat pada segmen pertama ke dalam segmen yang kedua melalui kaedah-kaedah seperti: a) definisi, denominasi, perincian makna dan sebagainya; b) pengembangan inferensi yang muncul di segmen yang pertama, ke dalam segmen yang kedua (kesimpulan atau akibat). Martín Zorraquino dan Portolés (1999) menjelaskan, penanda *esto es* berfungsi memperkenalkan ke dalam segmen wacana, kandungan yang menjelaskan dan menerangkan entiti atau kandungan yang terdahulu. Selain dari tu, *esto es* hanya hadir di dalam ayat-ayat yang memperkatakan tentang kandungan yang sama yang terdapat pada bahagian atau segmen yang sebelumnya. Mereka turut menjelaskan fungsi utama penanda *esto es* dalam contoh berikut:

- 1) Antes se trataba de persuadir, *esto es*, de conducir al interlocutor por una senda dialéctica, que él tenía que recorrer paso a paso hasta el punto deseado. [F. Lázaro Carreter, *El dardo en la palabra*, 71]
Sebelum ini ia bersifat meyakinkan, iaitu/yakni, membawa pendengar melalui kaedah dialektik, yang harus dilalui langkah demi langkah sehingga ke titik (tahap) yang diinginkan.

Dalam contoh di atas, jelaslah bahawa fungsi yang dibawa oleh penanda wacana *esto es* ialah menjelaskan maksud perkataan *persuadir* (meyakinkan) yang telah dinyatakan pada segmen pertama. Sebanyak 40 data *esto es* telah ditemui dalam kajian ini.

POSISI ESTO ES DALAM BINAAN WACANA

Bahagian ini akan memaparkan kedudukan penanda wacana *esto es* berdasarkan teks yang dikaji. Sepertimana yang pernah dinyatakan oleh Casado Velarde (1991) penanda wacana *esto es* pada kebiasanya terletak pada bahagian tengah wacana, iaitu, di antara segmen pertama dan kedua. Dalam data yang diperolehi, kesemua penanda wacana *esto es* berada di antara dua segmen wacana yang dihubungkan, iaitu tempat berlakunya proses pernyataan semula. Lihat data-data berikut:

- (1) Algo parecido sucede con el yeísmo, esto es, la articulación idéntica de la palatal de cayó y de la de calló (Narbona Jiménez, Antonio, COL, p. 39)
Sesuai yang sama terjadi ke atas yeísmo iaitu/yakni, artikulasi yang sama pada palatal cayó dan calló
- (2) El acto de habla — esto es, la emisión de una oración hecha en las condiciones apropiadas — es la unidad mínima de la comunicación lingüística. (Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 64)
Lakuan tuturan — iaitu/yakni, penyampaian ayat yang dihasilkan dengan syarat-syarat yang bersesuaian— adalah merupakan unit yang minimum dalam komunikasi linguistik.
- (3) De acuerdo con ello, hay conectores que necesitan de dos elementos (esto es, cuya valencia es 2), y conectores que necesitan tres elementos (cuya valencia es 3) (Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 101)
Sejajar dengan itu, terdapat kata penghubung yang memerlukan dua elemen (iaitu/yakni, yang bilangannya adalah 2) dan kata penghubung yang memerlukan tiga elemen yang bilangannya adalah 3)
- (4) Un supuesto es cada uno de los pensamientos que un individuo tiene catalogados como representaciones del mundo «real» (esto es, representaciones diferentes de las opiniones personales, las creencias, los deseos, etc.) (Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 117)
Tanggapan merupakan setiap idea (pemikiran) yang telah dimiliki oleh seseorang individu sebagai representasi dunia sebenar (iaitu, representasi yang berbeza mengenai pandangan peribadi, kepercayaan, keinginan, dsb)
- (5) Resulta, por tanto, no sólo perfectamente legítimo, sino incluso necesario, el abordar del estudio de los enunciados —esto es, de las emisiones reales—, teniendo en cuenta la intención del sujeto que los produjo. (Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 38)

Oleh sebab itu, ia bukanlah sekadar memang dibolehkan, malah turut menjadi keperluan, mengetengahkan *kajian mengenai ujaran — iaitu/yakni yang bersifat penyampaian sebenar — dengan mengambil kira tujuan subjek yang menghasilkannya.*

- (6) El artículo 33.1 de la Constitución *reconoce como derechos la propiedad privada y la herencia, a continuación, en el apartado 2 proclama su función social y, en el apartado 3 garantiza que nadie podrá ser privado de sus bienes y derechos sino por causa justificada de utilidad pública o interés social, mediante la correspondiente indemnización y de conformidad con lo dispuesto en las leyes. Esto es, reconoce constitucionalmente el estatuto jurídico de la expropiación forzosa.*

(José Luis Ruiz-Navarro; Sara Sieira, CONS, art. 33)

Perkara 33.1 Perlembagaan *mengiktiraf harta dan warisan persendirian sebagai hak, seterusnya, dalam seksyen 2, mengisytiharkan fungsi sosialnya, dan, dalam seksyen 3, menjamin bahawa tiada siapa yang boleh dilucutkan harta dan haknya melainkan atas sebab kepentingan awam atau sosial, melalui pampasan yang sepadan dan selaras dengan peruntukan undang-undang. Iaitu/Yakni/maknanya, mengiktiraf mengikut perlembagaan status undang-undang pengambilalihan secara ekspropiasi³.*

Berdasarkan contoh-contoh yang telah ditunjukkan, jelaslah bahawa, penanda *esto es* sentiasa berada ditengah-tengah wacana yang dihubungkan, dan, sepertimana *iaitu*, *esto es* turut ditandakan oleh simbol grafik yang pelbagai.

ANALISIS SEMANTIK-PRAGMATIK PENANDA PERNYATAAN SEMULA *ESTO ES*

Berikut merupakan elemen-elemen pernyataan semula yang terlibat dalam proses pernyataan semula oleh penanda wacana *esto es*: kata atau frasa nama (dengan atau tanpa kata petunjuk, dan kata nama dengan adjektif) sebanyak (12) ujaran; frasa nama kompleks sebanyak (11) ujaran ; kata adjektif sebanyak (4) ujaran; kata kerja sebanyak (1) ujaran; frasa sendi nama sebanyak empat (4) ujaran; dan akhir sekali gugusan ayat sebanyak (8) ujaran.

PERNYATAAN SEMULA KATA NAMA

Bagi pernyataan semula kelas kata nama, kata nama yang dinyatakan semula adalah bersifat teknikal atau saintifik, samada terdiri dari laras bahasa perundangan, linguistik, sains dan sebagainya, iaitu sepertimana yang terdapat dalam contoh berikut:

- (1) Algo parecido sucede con *el yeísmo, esto es, la articulación idéntica de la palatal de cayó y de la de calló* (Narbona Jiménez, Antonio, COL, p. 39)
Sesuatu yang sama terjadi ke atas *yeísmo iaitu/yakni, artikulasi yang sama pada palatal cayó dan calló*

Dalam contoh tersebut, pewacana cuba menjelaskan maksud kata teknikal (*el yeísmo*), dari bidang fonetik (dan fonologi) bahasa Sepanyol, melalui penggunaan frasa nama berbeza yang lebih umum dan senang difahami (*articulación*) dan menjelaskannya lagi dengan menggunakan kata adjektif (*idéntica*) dengan merujuk pada contoh perkataan (*cayó / calló*). Melalui data tersebut, dapat dilihat bahawa dalam proses diskursif tersebut, pewacana cuba menjelaskan kepada pembaca, istilah khusus dengan menggunakan kata yang lebih umum dan senang difahami. Selain dari tu, dapat juga disimpulkan disini bahawa pemilihan tersebut berdasarkan interpretasi peribadi pewacana terhadap pembaca sasarannya, kerana merasakan tidak semua pembaca mampu memahami istilah teknikal tersebut. Begitu juga yang terjadi dalam contoh kedua:

³ *Ekspropiasi* adalah berkaitan hak negara dalam pengambilalihan tanah atau hak milik swasta lainnya, terutama untuk kepentingan umum dengan cara memberi ganti rugi.

(2) Por *rato* se entiende *el matrimonio sacramental, esto es, aquel en el que los dos cónyuges están bautizados, bien sea antes de contraerlo, bien sea después.* (COD, p. 692)
Perkataan *Rato* membawa maksud *perkahwinan sakramental, iaitu/yakni, sebuah perkahwinan antara pasangan yang telah dibaptis, samada sebelum perkahwinan tersebut berlangsung, atau samada selepasnya.*

Dalam proses pernyataan semula di atas, penulis telah memberikan definisi eksplisit perkataan (*el matrimonio sacramental*). Bagi teks yang dipilih, *rato* dan *el matrimonio sacramental* bersifat saintifik. Hal yang sama turut dapat dilihat dalam contoh berikutnya; data (3) menunjukkan bahawa pewacana telah memilih untuk memudahkan kefahaman pembaca, iaitu menggunakan frasa yang lebih senang difahami sebagai penjelas kepada maklumat yang disampaikan sebelumnya:

(3) Resulta, por tanto, no sólo perfectamente legítimo, sino incluso necesario, el abordar *el estudio de los enunciados —esto es, de las emisiones reales—*, teniendo en cuenta la intención del sujeto que los produjo

(Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 38).

Oleh sebab itu, ia bukanlah sekadar memang dibolehkan, malah turut menjadi keperluan, mengetengahkan *kajian mengenai ujaran — iaitu/yakni yang bersifat penyampaian sebenar — dengan mengambil kira tujuan subjek yang menghasilkannya.*

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA KOMPLEKS

Dalam data di bawah, sekali lagi pewacana dilihat bukan sekadar membantu pembaca memahami dengan lebih baik makna istilah yang telah disampaikan iaitu *léxico*, tetapi memahami maksud sebenar frasa tersebut yang harus diaplikasi di dalam pelbagai situasi komunikasi:

(1) Expresarse con propiedad requiere *un buen conocimiento del léxico, esto es, de las palabras, de sus significados y de sus condiciones de utilización*

(Escandell Vidal, M. Victoria, IP, p. 222)

Menzahirkan sesuatu dengan tepat dan sesuai memerlukan *pengetahuan leksikal yang baik, iaitu/yakni, mengenai kata-kata, makna dan syarat penggunaannya.*

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA ADJEKTIF

Dalam data seterusnya, kata adjektif *pertinentes* yang ditunjukkan dalam segmen pertama ayat, mengandungi makna yang umum, berbanding makna yang terdapat pada segmen kedua. pewacana cuba memberi maksud terbaik kata adjektif yang ditunjukkan dalam ujaran tersebut. Memandangkan kata adjektif tersebut mempunyai pelbagai maksud yang berbeza, maka pewacana harus memilih satu penjelasan yang mampu memberi penjelasan yang mampu menerangkannya dengan paling berkesan dan relevan kepada pembaca:

(1) El juez o Tribunal tiene que velar por el buen desarrollo de esta fase, de forma que las pruebas sean, como no puede ser de otra manera, obtenidas legalmente, deben ser *pertinentes, esto es, relacionadas con el litigio, por un lado, y útiles al mismo, por otro.*

Hakim atau Mahkamah mesti memastikan perkembangan yang betul dalam fasa ini, supaya bukti tersebut, yang tidak boleh diubah dan diperolehi secara sah, *mestilah relevan, iaitu, mempunyai kaitan dengan litigasi, dan berguna padanya.*

(David Ortega Gutiérrez; Ángeles González Escudero, CONS, p. 24)

PERNYATAAN SEMULA FRASA NAMA ADJEKTIF

Selain dari kelas kata yang telah disebut di atas, proses pernyataan semula turut berlaku pada golongan kata kerja:

(1) La primera implica a la vez una actitud frente al receptor, puesto que se le pide *que conteste, esto es, que actúe* (lingüísticamente, en la mayor parte de los casos) y frente a lo enunciado (que es incompleto o inseguro, por eso se pregunta)

(Hernandez Paricio, Francisco, TEX, p. 34)

Yang pertama menunjukkan pada masa yang sama sikap terhadap penerima, kerana dia diminta untuk *menjawab, iaitu, untuk bertindak* (secara linguistik, dalam kebanyakan kes) dan juga terhadap apa yang diujarkan (yang tidak lengkap atau tidak jelas, disebabkan itulah dia bertanya)

Dalam data di atas, pewacana telah menjelaskan maksud kata kerja dalam segmen yang pertama, dengan menggunakan kata kerja yang berbeza. Sehubungan itu, pewacana menerangkan kepentingan maksud *contestar* (menjawab) di dalam ujaran tersebut, dengan menggunakan kata kerja yang berbeza *actuar* (bertindak).

PERNYATAAN SEMULA GUGUSAN AYAT

Seperti yang telah disebut, proses pernyataan semula oleh penanda *esto es* turut berlaku pada gugusan ayat:

(1) Naturalmente, ello no es incompatible con considerar que *el propio texto está constituido por una secuencia de actos, esto es, que el texto puede constituir un determinado tipo de acto global aunque en su interior aparezca una cadena de actos individualmente analizables*

(Hernandez Paricio, F, TEX, p. 55)

Sememangnya, ia tidak bertentangan menganggap *bahawa teks itu sendiri terbina oleh urutan tindakan, iaitu/yakni, teks itu boleh mengandungi sejenis tindakan global tertentu, walaupun di dalamnya terdapat rantai tindakan yang boleh dianalisis secara individu.*

Dalam data di atas, frasa *secuencia de actos* memerlukan penjelasan memandangkan ia dinyatakan secara umum dalam ujaran tersebut. Dalam ujaran tersebut, tidak dinyatakan apakah jenis *actos* (tindakan) yang dirujuk. Berdasarkan definisi yang ditemui dalam kamus bahasa Sepanyol, DRAE yang dirujuk, tiada satu pun maksud yang ditemui berkaitan dengan kandungan teks tersebut. Ini kerana, *las secuencias de los actos* merujuk pada *actos de habla* (lakuan tuturan) dalam bahasa Sepanyol, iaitu satu istilah dalam lapangan pragmatik.

Seterusnya, proses pernyataan semula boleh juga dilakukan bagi tujuan menguatkan makna yang disampaikan. Dalam data berikutnya, pewacana membuat ringkasan pada gugusan ayat tersebut, dengan mengemukakan frasa yang lebih ringkas dari yang terdapat pada segmen yang pertama:

(2) La primera, la llamada anáfora referencial, se da cuando dos o más elementos del texto *se refieren al mismo objeto o individuo, esto es, tienen la misma referencia, son correferenciales*

(Hernandez Paricio, Francisco, TEX, p. 128)

Yang pertama, yang disebut sebagai anafora rujukan, berlaku apabila dua atau lebih elemen teks *merujuk kepada objek atau individu yang sama, iaitu/yakni, ia mempunyai rujukan yang sama, dan merupakan co-rujukan.*

Contoh terakhir yang akan dibincangkan di sini ialah data yang menunjukkan proses inferensi. Proses ini merupakan satu-satunya data yang diperolehi dalam kajian ini. Dalam data berikut, gugusan ayat yang diterangkan dalam segmen pertama mengandungi maksud yang lebih dalam dari apa yang disampaikan secara permukaannya. Oleh sebab itu, pewacana menjelaskannya dengan membuat ringkasan, iaitu dalam bentuk kesimpulan:

(2) La tradicional expresión de «al menos no ignoren» significa que el conocimiento mínimo exigido no es un saber discursivo y conceptual, culto, ni mucho menos técnico. Basta que los contrayentes no desconozcan que *el matrimonio es c) Entre varón y mujer, esto es, que la relación conyugal sólo se establece entre personas de diverso sexo.*

(COD, p. 658)

Ungkapan tradisional yang berbunyi “sekurang-kurangnya jangan abaikan”, bermakna pengetahuan minimum yang diperlukan bukanlah pengetahuan wacana dan konseptual, tinggi, mahupun teknikal. Adalah mencukupi sekiranya pasangan terbabit mengetahui bahawa *perkahwinan itu c) Antara lelaki dan perempuan, iaitu/yakni, hubungan perkahwinan hanya terjalin antara orang-orang yang berbeza jantina.*

(COD, p. 658)

Dalam data di atas, maksud yang ingin disampaikan ialah perkahwinan hanya boleh dilangsungkan oleh dua orang yang berbeza jantina, dan sebagai kesimpulannya, perkahwinan berlainan jantina adalah tidak dibenarkan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, dapat dijelaskan beberapa kesimpulan di sini mengenai fungsi dan ciri-ciri penanda wacana *iaitu* dan *esto es* sebagai penanda wacana pernyataan semula dalam bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol. Dari segi posisi atau kedudukan, kedua-dua penanda wacana, *iaitu* dan *esto es* sentiasa berada di tengah-tengah wacana yang dibina. Manakala dari segi nilai semantik dan pragmatik yang diwujudkan oleh kedua-dua wacana tersebut, dapat dilihat bahawa kedua-duanya mempunyai persamaan. Sehubungan ini, kedua-dua penanda wacana *iaitu* dan *esto es*, dapat mewujudkan proses pernyataan semula pada pelbagai jenis kelas kata, seperti kata nama (khas dan am), kata kerja, kata adjektif, kata sendi, gugusan ayat dan lain-lain. Sungguhpun jumlah data yang diperolehi kedua-duanya amat berbeza dari segi jumlahnya (*iaitu* sebanyak 135 ujaran, manakala *esto es* sebanyak 40 ujaran), namun elemen-elemen ujaran yang terlibat adalah tidak terbatas dan terdiri dari kelas kata yang berbeza-beza. Selain dari itu, dari segi pembentukan secara morfologi, *iaitu* dan *esto es* menunjukkan ciri-ciri yang eksklusif sebagai penanda wacana. Ini bermaksud, kedua-dua penanda wacana tersebut, hanya berfungsi dalam ujaran dan konteks yang khusus sahaja, iaitu, seperti yang dijelaskan dalam kajian ini, sebagai kata penjelas kepada unsur atau elemen yang dinyatakan sebelumnya. Sungguhpun begitu, terdapat juga perbezaan, iaitu dari segi simbol grafik yang menandakan kedudukan penanda wacana PSP dalam ujaran. Berdasarkan data yang diperolehi, *esto es* menunjukkan penggunaan simbol grafik yang lebih seragam, dalam penyebarannya dalam ujaran berbanding *iaitu*. Berdasarkan kupasan yang telah dilakukan, kajian ini telah berjaya memberi pengetahuan dan maklumat baru kepada pembaca. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, bidang kajian ini merupakan yang pertama dilakukan di Malaysia. Selain dari tu, kajian ini juga dapat dijadikan panduan oleh pewacana atau pengkaji wacana bahasa Sepanyol dan Melayu dalam menghasilkan teks yang bersifat ilmiah dan deskriptif. Sepertimana yang dinyatakan oleh Asmah (2000) aktiviti PSP dalam binaan wacana amat mustahak kerana ia

mewujudkan tautan yang dapat menjamin keutuhan dan kesinambungan dalam binaan wacana. Selain dari itu, ia turut memberi panduan dalam bidang terjemahan bahasa Melayu-Sepanyol, dan sebaliknya.

RUJUKAN

- _____. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1995). *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Kadir Jasin. (2009). *Membangun Bangsa dengan Mata Pena*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Kuala Lumpur*: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Antos, G. (1982). *Grundlagen einer Theorie des Formulierens. Textherstellung in geschriebener und gesprochener Sprache*. Tübingen : Niemeyer.
- Asmah Omar. (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1991). *Asas Penulisan Deskriptif*. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa.
- Blakemore, Diane. (1993) .The relevance of reformulations. *Language and Literature*. 2, 101-120.
- Casado Velarde, Manuel. (1991). Los operadores discursivos *es decir, esto es, o sea y a saber* en español actual: valores de lengua y funciones textuales. *Lingüística Española Actual*. 13(1), 87-116.
- David Ortega Gutiérrez & Ángeles González Escudero. (2003). *Constitución Española*. Diakses 20 Disember, 2014 dari <http://www.congreso.es/consti/constitucion/indice/>
- Escandell Vidal, M. Victoria. 2006. *Introducción a la pragmática (2.ª ed.)*. Barcelona: Ariel.
- Garcés Gómez, María Pilar. (2008). *La organización del discurso: marcadores de ordenación y de reformulación*. Madrid: Lingüística iberoamericana.
- Gulich, Elisabeth y Kotschi, Thomas. (1983). Les marqueurs de la reformulation paraphrastique, Cahiers de Linguistique française (Connecteurs pragmatiques et structure du discours). *Actes du 2ème Colloque de Pragmatique de Genève*. 5, 305-346.
- Halliday, Michael A. K. Y. Hasan, Ruqaiya. (1976). *Cohesion in English*. Londres: Longman.
- Hernández, María Aydée. (2016). El marcador discursivo *o sea* en el español hablado de Medellín. *Lingüística y Literatura*. 69, 295-314.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2014. Strategi Wacana Akademik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14(1), 189-202.
- José Luis Ruiz-Navarro & Sara Sieira. (2003). *Constitución Española*. Diakses 20 Disember, 2014 dari <http://www.congreso.es/consti/constitucion/indice/>
- Mahathir Muhammad. (2005). *Bahasa Sastera dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Martín Zorraquino, María Antonia y Portolés Lázaro, José. (1999). Los marcadores del discurso. Dalam I. Bosque & V. Demonte (Pnyt.), *Gramática descriptiva de la lengua española*. Espasa-Calpe: Madrid.
- Mazni Othman. (1999). *Panduan Mudah: Membaiki dan Menyenggara Pemain Cakera Padat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Isa Abd Majid et al. (2009). *Kosmetik dan Anda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda Wacana Melayu Lama Dalam Teks Berunsur Sejarah. *Jurnal Bahasa*. 13, 243-258
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2003). *Kohesi Wacana dalam Bahasa Arab. Satu Kajian terhadap Novel Al-Sahab Al-ahmar*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Narbona Jiménez, Antonio. (2003). *Sobre la Conciencia Lingüística de los Andaluces*. Santander (ESPAÑA). Centra: Fundación Centro de Estudios Andaluces.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi Gramatikal Penghubung dalam Karangan Berbahasa Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 3. 101-113.
- Real Academia Española. (2014). *Diccionario de la lengua española*. Madrid: Espasa.
- Pedro Lombardía. (1983). *Código de Derecho Canonico*. Universidad de Navarra: Navarra.
- Pons Bordería, Salvador. (2001). Connectives / Discourse markers. An overview. *Quaderns de Filologia. Estudis Literaris*. 5, 219-243.
- Portolés Lázaro, José. (1999). El origen de los marcadores y la deixis discursiva. Dalam P. Carbonero Cano, M. Casado Velarde y P. Gómez Manzano (Pynt). *Lengua y discurso: estudios dedicados al profesor Vidal Lamiquiz*. Madrid: Arco / Libros.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanat Md. Nasir. (2008). Karya Masuri SN dari Sudut Wacana. *Seminar Masuri S. N, Singapura*, 26 –27 Julai 2008.
- Sato Hirobumi. (1991). Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah. Disertasi Dr. Fal, Universiti Malaya.

PENULIS

Norhayati Alias merupakan staf akademik dan memegang jawatan sebagai Penyelaras bagi kursus Bahasa Sepanyol di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Analisis Wacana dan Bahasa Sepanyol.